

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19

Peluang baharu dan keterangkuman



Bersama
Shuhaimi
Mohamed

Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) yang pertama telah diadakan pada tahun 1965 dan 10 kertas kerja mengenai pembentukan model perniagaan dan perdagangan, perkhidmatan, pemasaran, latihan, penyertaan bumiputera dalam lapangan perniagaan dan mengenai tanah dibincangkan. Perbincangan itu berjaya meluluskan sebanyak 70 resolusi.

KEB terakhir diadakan pada 2020 yang dianjurkan Majlis Perundangan Melayu (MPM) berjaya melibatkan semua pihak termasuk komuniti Orang Asli, pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi tempatan dan komuniti ekonomi Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam kongres ini. Secara umumnya KEB 2020 memberi jaminan agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera akan diteruskan dan memastikan ianya tidak berada di takuk lama dan mempunyai daya saing dalam menghadapi menghadapi norma baharu pasca Covid-19 yang mencabar ini.

KEB 2024 merupakan pengumuman kali ke lapan yang akan diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac yang akan memberi fokus kepada 10 kumpulan iaitu Reformasi Pendidikan dan Modal Insan, Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Pilihan Kerjaya Utama, Pengukuhan Industri Halal, Pembangunan Desa dan Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli, Penciptaan Kelayakan dan Penguasaan Korporat, Daya Saing Perusahaan Bumiputera, Penguasaan Teknologi Baharu, Felda dan Tanah Wilayah, Sosioekonomi Bumiputera Sabah serta Sosioekonomi Bumiputera Sarawak. KEB kali ini dipengerusikan bersama oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dan YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi.

Sudah pasti KEB kali ini akan menjadi tumpuan semua pihak kerana ia bukan sahaja melibatkan kumpulan Bumiputera tetapi juga buat pertama kalinya pengumuman kali ini YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim memela-nya masyarakat Cina dan India khususnya pemain ekonomi serta perniagaan



ANWAR bersama Ahmad Zahid ketika merasmikan pra pelancaran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 di Putrajaya.

KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA

Peluang baharu dan keterangkuman

INFO

KEB terakhir diadakan pada 2020 yang dianjurkan Majlis Perundangan Melayu (MPM).

KEB 2024 merupakan pengumuman kali ke lapan yang akan diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac.

untuk turut sama menyertai KEB ini. Sikap keterbukaan kerajaan menggambarkan keterangkuman dalam menyelesaikan dan membincangkan isu dan masalah yang dihadapi oleh Bumiputera adalah tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat termasuk penyertaan dalam kalangan pemain perniagaan bukan Bumiputera. Ini merupakan pendekatan yang berbeza dengan pengumuman KEB sebelum ini. Pandangan dan input dalam kalangan perniagaan bukan Bumiputera selaras dasar yang lebih inklusif, tetapi masih mengekalkan teras mengenai masalah dihadapi orang Melayu dan Bumiputera. Jika diteliti mengenai

statistik status sosioekonomi Bumiputera yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023 mendapati jumlah penduduk Bumiputera pada 2023 merangkumi 63.9 peratus (21.3 juta) daripada 33.4 juta penduduk di Malaysia. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi bumiputera meningkat kepada 67.1 peratus berbanding tahun 2021 (65.8 peratus). Berdasarkan pencapaian pendidikan, sumbangan tenaga buruh bumiputera yang berpendidikan peringkat menengah dan ke bawah adalah 62.3 peratus. Sementara itu, 37.7 peratus tenaga buruh bumiputera berpendidikan tertier. Kadar pengangguran dalam kalangan bumiputera pula 4.0 peratus (2021: 5.0 peratus). Dari segi statistik siswazah pula, bilangan siswazah bumiputera yang direkodkan sehingga 2022 adalah seramai 3.8 juta orang (lelaki: 1.7 juta; perempuan: 2.2 juta). Dari segi kebajikan, bilangan bumiputera yang berdaftar di Institut Kebajikan Am di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 2022 adalah seramai 2,714 orang (2021: 2,948 orang). Daripada ju-

malah tersebut, 1,096 orang di Institut Kanak-Kanak, 637 orang di Institut Orang Kurang Upaya dan 981 orang di Institut Waraka Emas dan Orang Papa. Jika diteliti mengenai pendapatan isi rumah meningkat di negara ini telah meningkat kepada RM6,338 pada 2022 berbanding RM5,873 pada 2019 dengan kadar pertumbuhan 2.5 peratus setahun. Manakala pendapatan isi rumah purata pula meningkat 2.4 peratus setahun daripada RM7,901 pada 2019 kepada RM8,479 pada 2022.

Berdasarkan statistik menerusi Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2022 menunjukkan pendapatan isi rumah boleh guna purata bulanan pula ialah RM7,111, meningkat 1.7 peratus berbanding 2019 (RM6,764). Dari segi ukuran purata, pendapatan isi rumah boleh guna ini adalah merangkumi 83.9 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah kasar. Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022 (HIES) yang dijalankan juga turut mengesahkan kadar kemiskinan rakyat terutama selepas pandemik Covid-19. Nilai

purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi 2022 adalah RM2,589 (2019: RM2,208) dengan nilai PGK makanan sebanyak RM1,198 (2019: RM1,169). Insiden kemiskinan mutlak pada 2022 pula menunjukkan peningkatan kepada 6.2 peratus berbanding 5.6 peratus pada 2019. Insiden kemiskinan Malaysia pada 2020 adalah 8.4 peratus. Insiden kemiskinan mutlak ini pada 2022 membabitkan anggaran 487,600 isi rumah. Pekali Gini bagi etnik Bumiputera menurun daripada 0.389 kepada 0.387 manakala bagi etnik Cina

menurun daripada 0.417 kepada 0.412. Pekali Gini bagi etnik India mencatatkan penurunan daripada 0.411 kepada 0.406. Oleh yang demikian, KEB kali ini dirasakan penting bagi mencari peluang baharu dalam pemerkasaan Bumiputera. Semua perancangan dalam agenda pemerkasaan Bumiputera sebelum ini hanya memusatkan kayu ukur penyertaan Bumiputera dalam ekonomi berdasarkan pemilikan ekuiti semata-mata. Selepas hampir lima dekad, pemilihan ini masih belum mencapai sasaran

30 peratus yang ditetapkan. Maka, melalui KEB ini perlu menilai semula pendekatan untuk mengukuhkan penyertaan dan kawalan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif. Oleh itu, idea-idea baharu yang lestari diperlukan bagi memastikan pemerkasaan Bumiputera tercapai. Menjadi harapan juga agar beberapa aspek teknologi baharu, peluang baharu dalam bidang belum terjangkau di negara ini dengan unjuran untuk 10 hingga 20 tahun akan datang. Selain itu, kesempatan KEB kali ini juga perlu memberi fokus kepada memberi perhatian terhadap agensi-agensi sedia ada dengan melihat keberkesanan perannya dan mungkin perlu penstrukturan semula supaya perannya dapat dipertingkatkan lagi melalui penjarangan semula strategi dan inisiatif pemerkasaan agenda Bumiputera.

Mungkin juga antara lain boleh mewujudkan agensi baharu yang dinamik untuk menyokong pemerkasaan Bumiputera ini. Selain itu, pendidikan tinggi perlu menjadi tumpuan utama juga dalam agenda ekonomi Bumiputera. Hal ini adalah kerana pendidikan tinggi merupakan alat terhadap kelangsungan hidup menerusi pekerjaan yang boleh mengubah nasib Bumiputera. Oleh yang demikian, peluang dan kemahiran yang disediakan di pendidikan tinggi perlu mengambil kira keperluan dan landskap Bumiputera.

Sudah pasti cabaran besar yang perlu digalas adalah memastikan resolusi yang diketengahkan dalam KEB ini bersifat keterangkuman dan lestari untuk tahun mendatang selari dengan temanya Positif, Progresif dan Inovatif. Sudah pasti rakyat akan tertunggu-tunggu reformasi ekonomi Bumiputera dan idea baharu yang jauh lebih baik daripada yang sedia ada seperti MARA, UDA, FELDA, RISDA dan FELCRA demi masa depan ekonomi Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif. Di harapkan juga resolusi KEB ini akan dapat membantu pemerkasaan Bumiputera sebelum ini hanya memusatkan kayu ukur penyertaan Bumiputera dalam ekonomi berdasarkan pemilikan ekuiti semata-mata. Selepas hampir lima dekad, pemilihan ini masih belum mencapai sasaran

Penulis Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah